

'Bukan rancangan dominasi China'



Dr Mahathir (depan, dua dari kanan) semasa sesi bergambar bersama pemimpin dari 37 buah negara selepas mesyuarat Forum Inisiatif Jalur dan Laluan, kelmarin.

BEIJING - Inisiatif Jalur dan Laluan (BRI) oleh China merupakan rancangan pembangunan bersama negara-negara peserta dan bukan strategi Beijing untuk mendominasi.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau kini lebih memahami inisiatif pembangunan itu dan menyokongnya kerana ia akan memberi kebaikan kepada negara.

"Kita merasakan rancangan BRI itu bukan rancangan dominasi oleh China, yang akhirnya akan dikuasai China, sebaliknya ia adalah dasar ciptaan semua negara dan bukan hanya tertumpu kepada China," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media dengan wartawan Malaysia pada akhir lawatan kerjanya selama lima hari ke China untuk menghadiri Forum Jalur dan Laluan untuk Kerjasama Antarabangsa (BRF) kedua yang berakhir kelmarin.

Forum antarabangsa itu dihadiri 37 pemimpin dari seluruh dunia dan

5,000 wakil dari 150 negara.

Perdana Menteri berkata, pada mulanya beliau menyangka BRI merupakan usaha China untuk menguasai Asia Tenggara kerana jajaran laluan dagang projek itu melalui Laut China Selatan dan Selat Melaka.

Bagaimanapun katanya, dengan menghadiri forum selama tiga hari yang berakhir kelmarin, mendapati ia merupakan kerjasama untuk memajukan negara-negara peserta melalui pembinaan infrastruktur dan pembiayaan oleh pihak bank.

"Dahulu rancangan pembangunan dari negara-negara maju yang mencipta dunia tanpa sempadan dan perdagangan bebas termasuk TPP (Perkongasian Trans Pasifik). Mereka (negara-negara maju) yang buat cadangan itu dan suruh kita terima.

"Ini tidak seperti itu, yang menghadiri forum itu adalah negara-negara kecil dan mereka duduk bersama China yang mempunyai seramai 1.4 bilion penduduk," katanya. - *Bernama*